

KERTAS MINIT SURAT  
PENDAFTAR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

- Tindakan : Tan lemai
- Makluman :
- Sila bincang :
- Ingin jumpa :
- Fail :

Nota arahan:

Hebatnya

VINA ZAHRIANI YUSOF  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Sabah

Tandatangan : Vny  
Tarikh : 29/10

U&M 36/2 Liii/1a 2011



Jabatan  
Pendaftar

Registry  
Department

Ruj. Kami : USM 86/2/iii/a Jld. I

Tarikh : 22 Oktober 2019

Kepada: Semua Pendaftar  
Universiti Awam

Bangunan Canselor  
(Chancellery Building)  
11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel : 04-6533888  
[www.usm.my](http://www.usm.my)

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENGISIAN BAGI JAWATAN  
- TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)**

Dengan penuh takzimnya pihak Universiti Sains Malaysia ingin mempelawa staf akademik di Universiti Awam (UA) yang berminat untuk mengisi jawatan **Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)**.

2. Sehubungan dengan ini pihak Universiti Sains Malaysia memohon kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk menghebahkan iklan jawatan Timbalan Naib Canselor seperti yang dilampirkan bersama ini. Tarikh tutup permohonan adalah pada **12 November 2019**.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. HJ. MUSA BIN ALI)  
Pendaftar

Tel: 04-6533111 | Emel: [musa@usm.my](mailto:musa@usm.my) | Faks: 04-6581718

s.k. Naib Canselor  
Universiti Sains Malaysia

*[DRMAzm/nl...JTKTNC-Edaran]*







**IKLAN JAWATAN  
TIMBALAN NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Universiti Sains Malaysia mempelawa Staf Akademik Universiti Awam (UA) untuk mengisi jawatan Timbalan Naib Canselor

- |      |                            |   |  |
|------|----------------------------|---|--|
| I.   | Jawatan                    | : | <b>Timbalan Naib Canselor<br/>(Akademik &amp; Antarabangsa)</b>  |
| II.  | Gred Gaji                  | : | <b>Jawatan Utama B (VU6)</b>   |
| III. | Taraf Pelantikan           | : | <b>Pertukaran Sementara/Pinjaman/Kontrak<br/>[Tertakluk kepada Kementerian Pendidikan Malaysia]</b>  |
| IV.  | Kriteria Dan<br>Kelayakan  | : | <b>Sila Rujuk Lampiran 1</b>   |
| V.   | Tarikh Tutup<br>Permohonan | : | <b>12 November 2019</b>  |
| VI.  | Permohonan                 | : | Calon-calon memenuhi kriteria dan kelayakan yang ditetapkan dan berminat untuk dipertimbangkan hendaklah mengemukakan <u>tujuh (7) salinan Butir Jayadiri</u> yang lengkap dan terkini mengandungi antara lain maklumat asas seperti berikut:<br><br><ul style="list-style-type: none"><li>i) Latar belakang diri/peribadi, keluarga, alamat surat menyurat;</li><li>ii) Pendidikan dan kerjaya;</li><li>iii) Anugerah dan hadiah yang berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan</li><li>iv) Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna bagi pembangunan Universiti dan Pendidikan Tinggi ; serta</li><li>v) “Key Performance Indicators” (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai TNC(Akademik &amp; Antarabangsa).</li></ul> |

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar, Pejabat Pendaftar, Bangunan Canselori, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang. Sebarang maklumat lanjut dan pertanyaan bolehlah menghubungi Puan Nooriezhan Lahazan di No. Tel: 04-6533111.

## LAMPIRAN I

### KRITERIA UMUM DAN KHUSUS BAGI PEMILIHAN TNC IPTA

#### A) KRITERIA UMUM

Pemilihan Timbalan Naib Canselor secara umumnya mestilah berasaskan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

##### i) Kecemerlangan Akademik

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwaspit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

##### ii) Pengiktirafan Antarabangsa

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

##### iii) Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

##### iv) Reputasi

Menjadi "*role model*" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

##### v) Personaliti

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

##### vi) Kriteria-kriteria lain yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche area* Universiti.

## B) KRITERIA KHUSUS

Pertimbangan calon-calon Timbalan Naib Canselor mengikut portfolio mestilah berasaskan kriteria-kriteria khusus yang ditetapkan seperti berikut:

### **Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa)**

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria seperti berikut:

- i) **Mempunyai PhD dan kelayakan profesional:** Ini kerana penjawat bertanggungjawab mempengerusikan Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat Guru (Profesor Madya ke bawah) dan perlu mempamerkan kewibawaan khususnya kelayakan akademik tertinggi PhD. Bagi Universiti yang berfokus seperti kejuruteraan, "Malaysia Technical Universities Network"(MTUN), kelayakan profesional perlu diberi merit yang utama memandangkan proses akreditasi adalah salah satu bidang tugas seorang TNC(HEAA).
- ii) **Berpengalaman dalam pembentukan kurikulum (curriculum design):** Ini merupakan tugas hakiki TNC(HEAA). Penyandang bertanggungjawab dalam agenda kritikal Pengajaran dan Pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan kurikulum yang seimbang dan bersepada. Penyandang juga merupakan sekretariat dan pihak berwajib kepada Senat yang diberi kuasa yang lebih dalam AUKU dalam rekabentuk kurikulum Universiti.
- iii) **Pakar Pengajaran dan Pembelajaran:** TNC(HEAA) juga adalah seorang yang wajib dihormati dan mempamerkan kewibawaan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran (*Teaching & Learning*). Penyandang perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai aspek-aspek berikut iaitu Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (*SCL*), Pembelajaran Berasaskan Masalah (*PBL*), Pendekatan Berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (*POPBL*), Pembelajaran Sepanjang Hayat (*LL*), Penaksiran dan *Outcome Based Education*.
- iv) **Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan:** Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam hasil penyelidikan dan penerbitan serta telah dilantik sebagai Profesor. Ini kerana sebagai Pengurus Jawatankuasa Pemilih Guru, penyandang bertanggungjawab menentukan tanda aras calon Profesor Madya. Oleh itu, penyandang hendaklah cemerlang dalam penyelidikan, telah menerbitkan artikel dalam jurnal berwajid, berimpak tinggi serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.
- v) **Pengalaman Sebagai Penyelia yang Berjaya:** Penyandang juga perlu mempunyai rekod cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana & PhD) dengan jayanya. Ini kerana TNC (HEAA) bertanggungjawab dalam mempengerusikan Jawatankuasa Senat bagi pengajian siswazah dan menjadi penimbang tara bagi isu-isu akademik pengajian siswazah.

**vi) Hal Ehwal Antarabangsa:** Penyandang akan ditugaskan untuk mempromosikan program akademik dan mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa. Oleh itu; pengalaman dan kebolehlihatan di peringkat antarabangsa perlu dimiliki oleh penyandang. Calon harus mempunyai hubungan yang luas dan reputasi yang baik di peringkat serantau dan antarabangsa.

0000000

GAMBAR PROFIL

## RINGKASAN CV

NAMA PENUH :  
TARIKH LAHIR/UMUR :  
TEMPAT LAHIR :  
NOMBOR K/P :  
JAWATAN TERKINI :  
MAJIKAN :  
TARIKH PERSARAAN WAJIB :

## SEKSYEN A

### A. KELAYAKAN AKADEMIK

BIL	PERINGKAT PENGAJIAN	TAHUN	*BIDANG PENGKHUSUSAN
1	Ph.D		
2	Master		
3	Bachelor		
4	Diploma/ Executive Training etc		

### B. \*PENGALAMAN PENGURUSAN & PENTADBIRAN UNIVERSITI

(sila tandakan (/) pada petak yang berkenaan)

- i. Naib Canselor  tahun : \_\_\_\_\_
- ii. Timbalan Naib Canselor :  
  - Akademik dan Antarabangsa  tahun : \_\_\_\_\_
  - Penyelidikan dan Inovasi  tahun : \_\_\_\_\_
  - Jaringan Industri dan Masyarakat  tahun : \_\_\_\_\_
  - Hal Ehwal Pelajar dan Alumni  tahun : \_\_\_\_\_
  - Pembangunan  tahun : \_\_\_\_\_
- iii. Penolong Naib Canselor  tahun : \_\_\_\_\_
- iv. Pengarah  tahun : \_\_\_\_\_
- v. Dekan  tahun: \_\_\_\_\_
- vi. Timbalan Dekan  tahun : \_\_\_\_\_
- vii. Timbalan Pengarah  tahun : \_\_\_\_\_
- viii. Lain-lain (Nyatakan : \_\_\_\_\_)  tahun: \_\_\_\_\_

\*Boleh disediakan dalam bentuk Lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi

**C. PELANTIKAN/PEMINJAMAN DI ORGANISASI ANTARABANGSA**

(sila nyatakan)

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_

tahun : \_\_\_\_\_

tahun : \_\_\_\_\_

tahun : \_\_\_\_\_

**D. PENCAPAIAN/PENGLIBATAN DALAM TEMPOH MEMEGANG JAWATAN PENTADBIRAN**

BIL	JAWATAN	PERINGKAT	
		NASIONAL (projek berimpak tinggi)	ANTARABANGSA (projek berimpak tinggi)
1	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)		
2	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)		
3	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)		
4	Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)		
5	Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)		

**SEKSYEN B**

**A. PENCAPAIAN/PENGLIBATAN DALAM BIDANG AKADEMIK**

BIL	LAPANGAN AKADEMIK	AKTIVITI/PROGRAM/PROJEK/BILANGAN (terpilih dalam tempoh tiga tahun terkini)
1	Pengajaran/Latihan	
2	Pembimbing Pasca Siswazah/Pemeriksa	
3	Penyelidikan /Penerbitan	
4	Afiliasi Profesional	
5	Konsultansi	

**B. LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)**

(bagi tiga (3) tahun terkini sahaja)

BIL	TAHUN	MARKAH
1		
2		
3		